



KOPI PAHIT

Diceritakan – di sebuah negeri ditegah orang-orang berkahwin lebih daripada satu. Seorang yang telah datang bermastautin di situ selama tiga tahun ada mempunyai isteri di negerinya. Ia seorang Islam. Berkali-kali ia datang ke Mahkamah Syariah di situ untuk meminta kebenaran berkahwin lagi tetapi tidak diluluskan. Pada suatu hari ia pergi lagi. Tuan kadi bertanya kepadanya mengapa ia degil mau kahwin juga lagi. Dengan tidak bercakap khabarnya ia berdiri lalu membuka butang seluarnya sambil berkata: “Pasal inilah! Siapa mau tanggung kalau ia melompat” - *mā shā-Allāh!*

* * *

Apabila Sukarno sudah bersungguh-sungguh melakukan konfrantasinya terhadap Malaysia, maka sudah barang tentu di sini banyak orang-orang dan badan-badan yang dahulu menjadi tali barut Indonesia, jadi kakinya untuk menentang Malaysia. Orang-orang yang sedemikian ini berbahaya sebab pengaruh “termakan budi” atau “diberi makan” mempengaruhi jiwanya. Orang-orang yang sedemikian ini tentunya dengan mudah jadi sayap ke lima – ertinya seperti anai-anai yang bakal merosakkan . Kerana itu kita wajib waspada dan bertindak tegas supaya bersedia sebelum dibinasakan mereka. Riak-riaknya sudah nyata siapa jadi tali barut Sukarno!

* * *

Radio Indonesia membilangkan bahawa Malaysia zalim, aniaya dan sedang menghadapi kesulitan hidup kerana konfrantasi ekonomi dari Indonesia. Betulkah? Memang radio Indonesia pembohong dan semata-mata mengabui rakyat! Siapa yang zalim? Jawabnya kerana bung-bung

mau senang, rakyat dizalimkan; kelaparan, kebuluran dan makan tikus! Siapa yang zalim? Kalau bukan si Sukarno itu.

* * *

Alex Josey sudah tuduh orang-orang Melayu tidak mempunyai sejarah selain daripada sejarah lanun. Dahulu, dalam peristiwa Natrah ia juga sudah tuduh orang-orang Islam dengan berbagai-bagai tuduhan. Perbuatannya ini tentunya memarahkan orang-orang Melayu. Orang-orang menuntut supaya Alex Josey dipandang orang yang tidak dikehendaki di sini – ertinya disuruh halau dari negara ini. Habib Nasir bilang beliau tahu asal keturunannya. Betul Habib rupanya sahaja orang sudah kenal dan tahu! Kan telah mengisytiharkannya.

* * *

Radio Jakarta bilang Malaysia adalah di bawah kolonial Inggeris. Rancangan luar bandar semuanya untuk *capitalist* guna memerah rakyat – memudahkan *capitalist-capitalist* mendapat untung. Rancangan Tun Razak ini tidak ada faedahnya untuk rakyat tetapi semata-mata untuk *capitalist*. *al-ḥamduli‘Lāh!* Walaupun dikatakan rakyat tertindas tetapi masih duyun makan nasi, masih dapat rasa roti, tetapi di negeri merdeka Sukarno ketua negara jadi bajingan ulung! Rakyat sudah dianjurkan duyun makan tikus! Heh Heh Heh!

* * *

Radio Jakarta selalu sebut-sebut bahawa estet-estet di Malaya yang besar-besar semua kepunyaan *capitalist-capitalist* asing! Tetapi apa di Indonesia juga *capitalist-capitalist* asing tidak banyak estetnya? Kerana dengki kepada estet-estet atau kepunyaan-kepunyaan asing lalu ramai-ramai mau rampas hak orang! Kan perbuatan ini boleh dibilang negara yang diketuai oleh bajingan boleh jadi bukti ia tukang rampok! Kalau gak rampokin kepunyaan orang kan tidak bisa jalan-jalan sana sini untuk cari wanita dan cari ubat injection human kerana mau kuat untuk cari wanita puasin nafsunya, cara ini buat orang Islam dibilangnya berperangai binatang!

- Cemeti al-Farouk.